



22 Disember 2016
22 December 2016
P.U. (A) 349

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN
ANTIPENCATUTAN (MEKANISME UNTUK MENENTUKAN
KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH BAGI
BARANGAN) 2016

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (MECHANISM
TO DETERMINE UNREASONABLY HIGH PROFIT FOR
GOODS) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (MEKANISME
UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH BAGI
BARANGAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah bagi Barangan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi kelas barangan yang berikut:

(a) makanan dan minuman; dan

(b) barangan isi rumah.

Tafsiran

3. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

“barangan isi rumah” ertinya barangan isi rumah tidak tahan lama dan produk penjagaan diri, tidak termasuk produk kosmetik, yang dibeli atau digunakan bagi maksud diri, keluarga atau isi rumah;

“harga jualan” ertinya harga apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual tidak termasuk semua cukai, duti dan caj Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

“harga jualan murah” ertinya harga barangan yang ditunjukkan mengikut apa-apa cara sebagai kurang daripada harga yang barangan itu, atau barangan yang sama perihalan atau sama kelas itu, dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum itu;

“harga pengenalan” ertinya harga pengenalan bagi apa-apa barangan baharu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual;

“makanan dan minuman” ertinya tiap-tiap barang yang dikilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman untuk kegunaan manusia atau yang masuk ke dalam atau digunakan dalam kandungan, penyediaan, pengawetan, apa-apa makanan atau minuman dan termasuklah konfeksi, bahan kunyahan dan apa-apa ramuan bagi makanan, minuman, konfeksi atau benda kunyahan itu;

“sama kelas” ertinya kefungasian am atau kelas bagi apa-apa barangan adalah sama sebagaimana yang ditentukan oleh orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual barangan itu;

“sama perihalan” ertinya jenis, kuantiti atau kualiti bagi setiap unit apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual adalah sama;

“tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu” ertinya tahun kewangan atau tahun kalendar yang dalamnya penentuan keuntungan tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan tokok atau peratusan margin bagi apa-apa barangan tertentu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dibuat.

(2) Apa-apa ungkapan atau petunjuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan apa jua cara pun yang digunakan atau diberikan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, yang menunjukkan atau berkemungkinan difahami sebagai menunjukkan bahawa harga yang barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual adalah kurang daripada harga yang barangan itu, atau barangan yang sama perihalan atau sama kelas itu, dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum itu hendaklah dikira sebagai suatu petunjuk bahawa orang yang menggunakan ungkapan

itu atau memberikan petunjuk itu menjual atau menawarkan untuk menjual barangan itu dengan harga jualan murah.

(3) Ungkapan yang disebut dalam subperaturan (2) termasuk ungkapan “jualan”, “diskaun”, “pengurangan”, “belian terbaik”, “harga terbaik”, “caj terbaik”, “harga istimewa”, “caj istimewa”, “harga runtuh”, “harga lebih murah setiap hari” atau “tawaran separuh harga”.

Mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah

4. Keuntungan ditentukan sebagai tinggi yang tidak munasabah jika—

- (a) peratusan tokok bagi apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu melebihi peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu, sebagaimana yang dikira mengikut formula yang dinyatakan dalam peraturan 5; atau
- (b) peratusan margin bagi apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu melebihi peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu, sebagaimana yang dikira mengikut formula yang dinyatakan dalam peraturan 6.

Formula untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan tokok bagi barangan

5. (1) Formula untuk menentukan bahawa keuntungan adalah tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan tokok bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu hendaklah seperti yang berikut:

P_B melebihi P_A

$$P_A = X_1 + Y$$

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$

$Y = T_1$ or T_2 , yang mana-mana lebih tinggi

$$T_1 = (X_1 - X_2)$$

$$T_2 = (X_2 - X_3)$$

$$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$$

$$X_3 = \frac{SP_3 - C_3}{C_3} \times 100$$

$$P_B = \frac{SP_B - C_B}{C_B} \times 100$$

iaitu P_A ialah peratusan tokok bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

X_1 (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual

pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;

(c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;

(d) berhubung dengan perenggan (d) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) berhubung dengan perenggan (e) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan

atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) berhubung dengan perenggan *(f)* bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_1 *(a)* ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum suatu harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(c) ialah harga jualan bagi barangan baharu itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas suatu harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(d) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga yang lebih rendah daripada kos pada hari pertama tahun kewangan atau tahun

kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan tidak beroperasi pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_1 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_1 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

Y ialah nilai T_1 atau T_2 , yang mana-mana lebih tinggi;

T_1 ialah perbezaan antara peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun

kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

T_2 ialah perbezaan antara peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

X_2 (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;

(c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;

(d) berhubung dengan perenggan (d) bagi *SP₂*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) berhubung dengan perenggan (e) bagi *SP₂*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) berhubung dengan perenggan (f) bagi *SP₂*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP₂ (a) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan

untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum suatu harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(c) ialah harga jualan bagi barangan baharu itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas suatu harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(d) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama

tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga yang lebih rendah daripada kos pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan tidak beroperasi pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

*C*₂ ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam *SP*₂ yang diambil kira dalam

menentukan harga jualan bagi barangan itu;

- X₃*
- (a)* berhubung dengan perenggan *(a)* bagi *SP₃*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
 - (b)* berhubung dengan perenggan *(b)* bagi *SP₃*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;
 - (c)* berhubung dengan perenggan *(c)* bagi *SP₃*, ialah peratusan tokok bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;
 - (d)* berhubung dengan perenggan *(d)* bagi *SP₃*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
 - (e)* berhubung dengan perenggan *(e)* bagi *SP₃*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu

pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) berhubung dengan perenggan *(f)* bagi *SP₃*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP₃ *(a)* ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum suatu harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun

kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(c) ialah harga jualan bagi barangan baharu itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas suatu harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(d) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan

untuk dijual pada harga yang lebih rendah daripada kos pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan tidak beroperasi pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_3 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_3 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

P_B ialah peratusan tokok bagi barangan yang disebut dalam SP_B pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_B ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_B ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_B yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), barangan yang disebut dalam P_A dan P_B hendaklah merupakan barangan yang sama perihalan atau sama kelas.

(3) Bagi maksud subperaturan (1), jika X_1 tidak wujud disebabkan oleh—

(a) barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(b) perniagaan itu wujud hanya pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu,

X_1 hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$

iaitu X_1 (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP₁, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP₁ (a) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak pernah dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan itu tidak wujud sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C₁ ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP₁ yang diambil kira dalam menentukan harga bagi jualan bagi barangan itu.

(4) Bagi maksud subperaturan (1), jika—

- (a) *Y* adalah bersamaan dengan kosong disebabkan oleh peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama, kedua dan ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu adalah sama; atau
- (b) *Y* adalah kurang daripada kosong disebabkan oleh penurunan dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga, kedua dan pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu, berturut-turut,

Y hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$Y = T_1 \text{ atau } T_2, \text{ yang mana-mana lebih tinggi}$$

$$T_1 = (X_1 - X_2)$$

$$T_2 = (X_2 - X_3)$$

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$

$$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$$

$$X_3 = \frac{SP_3 - C_3}{C_3} \times 100$$

- iaitu Y ialah nilai T_1 atau T_2 , yang mana-mana lebih tinggi;
- T_1 ialah perbezaan antara kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- T_2 ialah perbezaan antara kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

X_1 berhubung dengan SP_1 , ialah kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_1 ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_1 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_1 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

X_2 berhubung dengan SP_2 , ialah kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_2 ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh

kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_2 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_2 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

X_3 berhubung dengan SP_3 , ialah kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_3 ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_3 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_3 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu.

- (5) Bagi maksud subperaturan (1), jika Y tidak wujud disebabkan oleh—
- (a) barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
 - (b) perniagaan itu wujud hanya pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau
 - (c) barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama, kedua atau ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu,

Y hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$Y = T_1$$

$$T_1 = (X_1 - X_2)$$

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$

$$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$$

iaitu	Y	ialah nilai T_1 ;
	T_1	ialah perbezaan antara kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
	X_1	berhubung dengan SP_1 , ialah kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
	SP_1	ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
	C_1	ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_1 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

- X₂*
- (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi *SP₂*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
 - (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi *SP₂*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau
 - (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi *SP₂*, ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- SP₂*
- (a) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak pernah dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan itu tidak wujud sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(c) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama, kedua atau ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_2 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_2 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu.

(6) Walau apa pun subperaturan (1), keuntungan bukanlah tinggi yang tidak munasabah jika P_B melebihi P_A disebabkan oleh pengurangan C_B dalam perjalanan atau penerusan perniagaan.

Formula untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan margin bagi barangan

6. (1) Formula untuk menentukan bahawa keuntungan adalah tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan margin bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu hendaklah seperti yang berikut:

P_C melebihi P_A

$$P_A = X_1 + Y$$

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$$

$Y = T_1$ atau T_2 , yang mana-mana lebih tinggi

$$T_1 = (X_1 - X_2)$$

$$T_2 = (X_2 - X_3)$$

$$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$$

$$X_3 = \frac{SP_3 - C_3}{SP_3} \times 100$$

$$P_C = \frac{SP_C - C_C}{SP_C} \times 100$$

- iaitu P_A ialah peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- X_1
- (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
 - (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;
 - (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;
 - (d) berhubung dengan perenggan (d) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun

kalendar tertentu itu;

(e) berhubung dengan perenggan *(e)* bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) berhubung dengan perenggan *(f)* bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_1 *(a)* ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik

sebelum suatu harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(c) ialah harga jualan bagi barangan baharu itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas suatu harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(d) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada

kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga yang lebih rendah daripada kos pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan tidak beroperasi pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_1 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_1 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

Y ialah nilai T_1 atau T_2 , yang mana-mana lebih tinggi;

T_1 ialah perbezaan antara peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

T_2 ialah perbezaan antara peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

X_2 (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_2 , ialah peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_2 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau

- ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;
- (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi *SP₂*, ialah peratusan margin bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;
- (d) berhubung dengan perenggan (d) bagi *SP₂*, ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- (e) berhubung dengan perenggan (e) bagi *SP₂*, ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau
- (f) berhubung dengan perenggan (f) bagi *SP₂*, ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau

tahun kalendar tertentu itu;

- SP₂*
